



09 MAY, 2020

## Kadar pengangguran di Malaysia meningkat 17.1 peratus

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

## Kadar pengangguran di Malaysia meningkat 17.1 peratus

**PUTRAJAYA** - Bilangan penganggur di negara ini meningkat 17.1 peratus iaitu daripada 521,300 orang pada Mac tahun lalu kepada 610,500 orang pada Mac tahun ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, kadar pengangguran pada Mac lalu pula adalah 3.9 peratus.

"Kadar pengangguran yang tinggi ini antaranya dipengaruhi oleh impak negatif Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas pasaran buruh.

"Kadar pengangguran tertinggi negara yang pernah dicatatkan ialah 7.4 peratus pada tahun 1986.

"Bilangan tenaga buruh pada bulan Mac 2020 menurun 0.2 peratus kepada 15.84 juta orang berbanding Februari 2020," katanya pada sidang akhbar yang disiarkan secara langsung di laman Facebook beliau di sini semalam.


Laporan tersebut terkandung di dalam Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia, Mac 2020 dan Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, Suku Pertama 2020 (ST1 2020) yang memaparkan statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh da-

ripada Survei Tenaga Buruh (STB).

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, pada tempoh yang sama, angka penduduk bekerja turut menurun 0.7 peratus kepada 15.23 juta orang.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2.81 juta adalah bekerja sendiri seperti peniaga atau pengusaha kecil-kecilan (pasar tani/ pasar malam/ katering/ freelancer) dan seumpamanya yang menerima pendapatan/gaji harian.

"Mereka ini terdedah kepada risiko pengangguran dan kehilangan pekerjaan yang boleh menjelaskan pendapatan semasa tempoh PKP kerana sebahagiannya tidak dapat bekerja dan mengusahakan perniagaan mereka," jelasnya.



DR MOHD UZIR



09 MAY, 2020

## Kadar pengangguran di Malaysia meningkat 17.1 peratus

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA - Bilangan penganggur di negara ini meningkat 17.1 peratus iaitu daripada 521,300 orang pada Mac tahun lalu kepada 610,500 orang pada Mac tahun ini. Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, kadar pengangguran pada Mac lalu pula adalah 3.9 peratus.“Kadar pengangguran yang tinggi ini antaranya dipengaruhi oleh impak negatif Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas pasaran buruh.“Kadar pengangguran tertinggi negara yang pernah dicatatkan ialah 7.4 peratus pada tahun 1986.